



HIGHLIGHTS OF MUFTI'S QUALIFICATIONS AS FATWA GUIDELINE

SOROTAN KELAYAKAN MUFTI SEBAGAI GARIS PANDUAN FATWA

Abdul Manan Ismail¹

¹ Pengarah, Pusat Pengajian Teras (PPT); Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia; Pengerusi, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). manan@usim.edu.my

Abstract

One of the most essential elements in fatwa guideline is mufti's qualification. In assessing this guideline, there are two key factors to consider. First, no dispute conditions among jurists and second, disputed conditions among them. The purpose of this paper is to examine the guideline using jurists' perspectives. Document analysis via the writings of experts on the mufti's qualifications, as well as the selection of views based on knowledge and advantages were utilized as the approach. This article emphasizes the necessity of mufti's qualifications as fatwa guideline in order to safeguard the ummah's well-being.

Keywords: *Essential, Mufti, Qualification, Guideline, Fatwa.*

Abstrak

Kelayakan mufti merupakan salah satu garis panduan yang penting dalam fatwa. Terdapat dua elemen penting dalam menilai garis panduan ini. Pertama, syarat mufti yang disepakati. Kedua, syarat mufti yang tidak disepakati. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis garis panduan tersebut berdasarkan pandangan fuqaha. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen melalui penulisan ulama terhadap kelayakan mufti dan pemilihan pendapat berdasarkan asas ilmu dan kemaslahatan. Artikel ini memperlihatkan kepentingan kelayakan mufti sebagai garis panduan fatwa bagi memastikan kemaslahatan ummah terpelihara.

Kata kunci: *Penting, Mufti, Kelayakan, Garis Panduan, Fatwa.*

PENGENALAN

Fatwa merupakan pemberitahuan berkenaan hukum Syarak dalam sesuatu isu yang dikeluarkan selepas terdapat pertanyaan mengenainya (al-Hattab, 2010). Terdapat banyak garis panduan yang telah ditetapkan agar sesuatu fatwa yang dikeluarkan menepati piawai tertentu dan tidak terpesong daripada ajaran Syarak. Antara garis panduan fatwa ialah *wasatiyyah*, menyantuni kepelbagaian kelompok *mustafti*, mengambil kira maqasid Syariah,

kecermatan dan ketelitian serta mengambil kira implikasi fatwa. Secara umumnya, garis panduan tersebut banyak menyentuh tentang proses dan fatwa itu sendiri.

Walau bagaimanapun ada juga garis panduan yang menyentuh secara langsung kepada pihak yang mengeluarkan fatwa iaitu kelayakan mufti. Perbincangan mengenai kelayakan mufti pada kebiasaannya menjurus kepada huraian berkenaan syarat untuk menjadi mufti dan mujtahid.

SYARAT MUFTI

Para ulama usul telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang mufti bagi melayakkannya memberi fatwa. Sebagai contoh, al-Nawawi (1998) meletakkan syarat mukalaf, muslim, thiqah dan dipercayai, terpelihara daripada sifat kefasikan dan menjatuhkan maruah, mempunyai kesedaran dan berwaspada, faqih, waras, berfikiran matang, bertindak dengan betul serta berkeupayaan untuk mengistinbat dengan baik.

Dalam artikel ini, penulis akan membahagikan syarat mufti kepada dua kategori utama iaitu syarat yang disepakati dan syarat yang tidak disepakati.

Syarat yang disepakati

a. Beragama Islam

Seseorang mufti mestilah beragama Islam (Ibn al-Salah, 2002). Secara logiknya, akal tidak dapat menerima ketaatan dan kepatuhan seseorang bukan Islam kepada Allah Taala kerana setiap ketaatan mestilah berpaksikan kepada kalimah tauhid. Justeru, keislaman mufti merupakan syarat asas kerana beliau memberitahu tentang hukum Allah serta mempraktikkan hukum ke alam realiti. Sehubungan dengan itu, seseorang mufti perlulah beragama Islam yang beriman kepada Allah dan RasulNya.

Kemestian syarat ini juga telah dinyatakan oleh para ulama usul seperti al-Amidi (t.th) dan al-Ghazali (1993).

b. Mukalaf

Seseorang mufti juga mestilah mukalaf iaitu berakal dan baligh. Ini juga merupakan syarat asas kerana kemampuan untuk memahami *khitab* Syarak dengan sempurna tidak dapat dilakukan oleh orang gila dan kanak-kanak.

Syarat ini jelas berdasarkan sabda Nabi (saw);

{رفع القلم عن ثلاثة: عن النائم حتى يستيقظ، وعن الصبي حتى يحتلم، وعن المجنون حتى يعقل}

Maksudnya, "Tiga golongan terlepas dari hukum atau taklif: Orang yang tidur sehingga dia terjaga, kanak-kanak sehingga dia mencapai umur baligh, orang gila sehingga dia sembuh atau berakal" (Hadis. Abu Dawud & al-Tirmidhiyy).

Demikian dua syarat yang mesti dimiliki oleh seseorang yang ingin menjawat jawatan mufti iaitu beragama Islam dan mukalaf. Para ulama tidak berbeza pandangan mengenai dua syarat tersebut dan ia adalah syarat asas yang tidak boleh dipertikaikan.

Syarat yang tidak disepakati

Jika merujuk kepada literatur, kita akan mendapati pelbagai syarat mufti yang dikemukakan oleh para ulama. Perbezaan pendapat tidak dapat dielakkan dalam penetapan syarat-syarat tersebut ekoran tidak ada dalil *qat'ie* atau *dalalat qat'iyyah*.

Dalam artikel ini, penulis tidak akan memperincikan hujah dan pendalilan yang dikemukakan oleh kumpulan-kumpulan yang berbeza pandangan tersebut. Namun demikian, penulis akan terus memilih pandangan yang dianggap *rajih* berdasarkan alasan-alasan ringkas yang akan dikemukakan. Antara syarat-syarat yang tidak disepakati ialah:

a. Adil

Adil boleh diertikan sebagai lurusnja perjalanan dan din (cara hidup) seseorang yang akan membentuk jati diri yang melazimi ketakwaan dan penjagaan maruah sehingga menghasilkan kepercayaan dan *thiqah* (al-Ghazali, 1993).

Syarat ini diwajibkan oleh majoriti ulama antaranya *al-Shafeiyyah* (al-Ghazali, 1993), *al-Malikiyyah* (al-Qarafi, 1994), sebahagian *al-Hanafiyyah* (Ibn Nujaym, t.th) dan sebahagian *al-Hanabilah* (Ibn Muflih, 2003). Mereka berhujah, fatwa merupakan pemberitahuan tentang agama dan pemberitahuan orang fasik tidak diterima dalam urusan agama.

Manakala sebahagian ulama yang lain menerima fatwa orang fasik melainkan jika dia menzahirkan kefasikannya serta mengajak kepada *bidaah sayyiah* (Ibn Nujaym, t.th) contohnya mengajak kepada penambahan rakaat dalam sembahyang seperti menambah solat fardu subuh daripada dua rakaat kepada empat rakaat dan menganjurkan kepada umat Islam untuk berpuasa selama 48 jam tanpa berbuka.

Penulis berpandangan pendapat yang pertama iaitu seseorang mufti perlu adil merupakan pandangan yang lebih kuat kerana sebagaimana yang diketahui, seseorang yang tidak takut kepada Allah akan berani untuk berbohong. Kita juga tidak akan mempercayai mereka, justeru bagaimana fatwa mereka boleh dipercayai? Bahkan orang-orang beriman diingatkan agar menyelidik terlebih dahulu dengan berita yang dibawa oleh orang fasik sebagaimana firman Allah di dalam Quran;

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan" (al-Quran. al-Hujurat: 6).

b. Lelaki

Terdapat dua pandangan ulama dalam isu wanita menjadi mufti. Majoriti

ulama tidak meletakkan syarat mufti mestilah seorang lelaki bahkan wanita juga dibenarkan memberi fatwa. Asas kepada pendapat ini ialah para sahabat Nabi SAW dan para tabiin merujuk kepada fatwa Saiditina Aishah RA dan isteri-isteri Baginda SAW yang lain dalam banyak peristiwa.

Sebaliknya, sebahagian *al-Shafi'iyah* mensyaratkan agar fatwa hanya dikeluarkan oleh golongan lelaki melainkan pengecualian diberikan kepada isteri-isteri Baginda SAW. Mereka berhujah, wanita tidak dapat menjadi pemimpin demikianlah juga dengan mufti (al-Zarkashi, 1994).

Penulis berpandangan pendapat yang pertama iaitu seseorang mufti tidak semestinya seorang lelaki merupakan pandangan yang lebih kuat kerana terbukti dalam sejarah Islam para sahabat seperti Ibn Umar RA dan 'Urwah RA telah bertanya tentang hukum kepada Saiditina Aishah RA dan ia tidak pernah dibantah oleh mana-mana sahabat Nabi SAW yang lain. Ini membuktikan keharusan tersebut. Manakala menyamakan kepimpinan dengan fatwa seperti yang dihujahkan oleh sebahagian *al-Shafi'iyah* adalah qiyas yang jauh tersasar kerana terdapat perbezaan ketara antara dua perkara tersebut.

c. Mujtahid

Para ulama telah menghuraikan secara panjang lebar berkenaan syarat untuk melayakkan seseorang bergelar mujtahid. Terdapat perbezaan pandangan dalam penetapan syarat berkenaan. Secara umumnya syarat berkenaan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (al-Suyuti, 1982):

1. Syarat umum iaitu muslim, mukalaf dan adil.
2. Syarat *ta'hiliyyah*, antaranya ialah seperti berikut (al-Suyuti, 1982, al-Tufi, 1999):
 - i. Menguasai ilmu berkaitan Quran yang banyak antaranya ialah mengetahui sebab *nuzul* Quran, *nasikh mansukh*, uslub dan *dalalatnya*.
 - ii. Menguasai ilmu berkaitan Sunah yang pelbagai antaranya mengetahui sebab *wurud* Sunah, ilmu berkaitan matan dan sanadnya, ilmu *al-jarh wa al-ta'dil* serta manhaj *muhaddithin* dalam penulisan hadis.
 - iii. Menguasai ilmu usul fiqh merangkumi ilmu seperti cara pendalilan dan *al-ta'arud wa al-tarjih*.
 - iv. Menguasai ilmu bahasa arab seperti nahu, saraf dan karangan ulama dalam perkamusan arab termasuk *gharib al-quran* dan *gharib al-hadis*.
 - v. Menguasai ilmu berkaitan *al-siyaq* atau konteks ayat dalam nas dan dalil.
 - vi. Menguasai ilmu balaghah yang merangkumi ilmu *al-bayan*, *al-badi'* dan *al-ma'ani*.
 - vii. Menguasai permasalahan ijmak dan khilaf yang berlaku antara para ulama seperti perbezaan pandangan imam Shafei dalam sesuatu isu dan khilaf *ashab al-shafi'iyah* dalam sesuatu permasalahan.
 - viii. Menguasai ilmu akhlak dan mengubat hati.

- ix. Menguasai ilmu maqasid Syariah, *fiqh al-nafs* dan kaedah-kaedah Syarak.
- x. Mengetahui keadaan semasa dan realiti setempat.

Demikian adalah sebahagian daripada syarat *ta'hiliyyah* yang perlu dimiliki oleh seseorang mufti.

Kategori Mujtahid

Persoalan selanjutnya ialah adakah setiap mujtahid berada dalam tahap yang sama atau sebaliknya? Ringkasnya, mujtahid mempunyai empat tahap atau martabat seperti berikut (Abdul Manan Ismail, 2017):

- i. *Mujtahid Mustaqill Mutlaq* seperti imam Malik, Abu Hanifah, al-Shafi'i, Ahmad ibn Hanbal, al-Awza'i, Sufyan al-Thawri dan al-Layth ibn Sa'ad.
- ii. *Mujtahid Mutlaq Ghayr Mustaqill* seperti Abu Yusuf, al-Muzani, Ibn al-Qasim dan al-Qadi Abu Ya'la.
- iii. *Mujtahid al-Takhrij/muqayyad* seperti al-Tahawi, Ibn al-'Arabi, al-Ghazali dan al-Qadi Abu 'Ali ibn Abi Musa.
- iv. *Mujtahid al-futya/al-tarjih* seperti al-Nawawi, al-Rafi'i, Ibn Hajar, al-Maziri, Ibn Nujaym, ibn al-Humam dan ibn Qudamah.

Para ulama bersepakat bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh setiap *Mujtahid Mustaqill Mutlaq* dan *Mujtahid Mutlaq Ghayr Mustaqill* diterima. Walaubagaimanapun mereka berbeza pandangan dalam penerimaan fatwa *Mujtahid al-Takhrij/muqayyad* dan *Mujtahid al-futya/al-tarjih* (al-Suyuti, 1982).

Majoriti ulama menganggap mereka bukan mujtahid secara hakiki sebaliknya digelar sebagai mujtahid secara *tasamuh*. Ini adalah kerana mereka memberi fatwa secara nukilan pandangan dalam mazhab sahaja dan bukannya pandangan sendiri. Manakala *al-Hanafiyyah* pula berpandangan sebaliknya iaitu mereka dibenarkan untuk memberi fatwa kerana syarat ijtihad hanyalah syarat *awlawiyyah* sahaja dan mereka dibenarkan untuk berfatwa jika tidak ada mufti yang mujtahid (Ibn Nujaym, t.th).

Jika kita meneliti pandangan *jumhur* dan *al-Hanafiyyah*, didapati tidak ada perbezaan yang signifikan dalam pendapat mereka. Secara asasnya, perbezaan mereka adalah hanya pada istilah semata-mata kerana meskipun *jumhur* ulama mensyaratkan kemampuan ijtihad terhadap seseorang mufti namun mufti tersebut dibenarkan juga untuk memberitahu tentang hukum yang disoal berdasarkan pandangan dalam mazhabnya. Dalam erti kata lain, mufti tersebut hanyalah menukulkan pandangan dalam mazhabnya dan tidak memberi fatwa yang baharu.

Walaupun para ulama berbeza pandangan tentang keharusan mujtahid tersebut untuk berfatwa, namun ia tidak menafikan kecukupan syarat ijtihad mereka. Ulama seperti al-Tahawi, al-Ghazali, ibn al-Humam dan Ibn Qudamah merupakan mujtahid yang dihormati sepanjang zaman.

Tuntasnya, urusan mengeluarkan hukum atau fatwa perlulah diserahkan kepada golongan yang ahli dan berwibawa serta melengkapinya syarat yang dinyatakan di atas agar kita tidak termasuk dalam golongan yang tidak mencermati fatwa.

REALITI SEMASA DAN PENDEKATAN TERBAIK

Setelah meneliti syarat pelantikan mufti, dirumuskan terdapat empat syarat terpenting yang perlu dipenuhi oleh seseorang mufti iaitu beragama Islam, mukalaf, adil dan mujtahid. Bagi memenuhi tiga syarat pertama tidaklah begitu rumit. Namun demikian, syarat mujtahid agak sukar untuk dipenuhi pada zaman sekarang. Justeru bagi memastikan institusi fatwa terus berfungsi dengan baik, pendekatan yang boleh diambil ialah dengan merealisasikan *fatwa jama'iyah*.

***Fatwa Jama'iyah* Mewujudkan Fatwa Terbaik**

Fatwa secara kolektif atau *fatwa jama'iyah* amat diperlukan terutamanya bagi membincangkan permasalahan yang melibatkan kepentingan bersama umat Islam sama ada di peringkat tempatan, nasional mahupun antarabangsa. Kemunculan isu semasa yang kompleks dengan keterbatasan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh individu ulama memerlukan kepada sinergi para ilmuwan dalam bidang kepakaran yang pelbagai.

Umum mengetahui bahawa pendapat ramai lebih baik berbanding pendapat seorang individu (al-Qaradawi, 1998). Tambahan pula, jika sesuatu isu yang ingin dibincangkan menyentuh persoalan yang melibatkan pengetahuan pakar yang pelbagai seperti isu DNA, hukum penggunaan vaksin dan muamalat semasa.

Isu-isu sebegini perlulah juga mendapatkan pandangan pakar bagi bidang masing-masing untuk memastikan bahawa hukum yang dikeluarkan adalah tepat dan betul (al-Syarafi, 1998). Justeru, fatwa secara *fardiyyah* atau individu tidak mampu memberikan keputusan yang tepat kerana ia tidak menggabungkan pelbagai disiplin ilmu terutamanya pada zaman kini yang melahirkan mujtahid pakar dalam pengkhususan tertentu sahaja.

Dengan adanya fatwa secara kolektif, sesuatu pandangan atau hukum Syarak yang dikeluarkan akan lebih sempurna dan ia sekaligus dapat mengharmonisasikan segala pandangan yang telah diberikan oleh para mujtahid dalam pelbagai disiplin ilmu. Pemahaman masyarakat terhadap sesuatu isu akan menjadi lebih jelas kerana tidak timbul kekeliruan terhadap pandangan yang berbeza lantaran berbezanya disiplin ilmu para mujtahid yang mengeluarkan pandangan.

Kesimpulannya, *fatwa jama'iyah* dapat menjadi platform kepada para ilmuwan untuk berbincang bagi mengeluarkan hukum, lengkap-melengkapinya antara satu sama lain dan mengurangkan risiko berlakunya kesilapan dalam berfatwa. Ini sekaligus dapat menjadi alternatif kepada syarat mujtahid yang ditetapkan kepada seseorang mufti.

PENUTUP

Kelayakan mufti merupakan salah satu garis panduan fatwa terpenting yang perlu diambil kira bagi sesuatu proses pelantikan mufti atau mendapatkan pandangan hukum. Piawaian minimum yang perlu dimiliki oleh pemberi fatwa telah dijelaskan mengambil kira situasi dan realiti semasa.

Garis panduan ini selari dengan salah satu prinsip ketelitian fatwa iaitu menyerahkan urusan fatwa kepada ahlinya yang telah memenuhi syarat sebagai seorang mufti. Sehubungan dengan itu, setiap pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan hanya

golongan yang layak sahaja diberi tugas untuk berfatwa bagi menjamin fatwa yang bertepatan dengan kehendak Syarak dan kemaslahatan ummah terpelihara.

RUJUKAN

- Abdul Manan Ismail & Mek Wok Mahmud. 2017. *Dawabit al-Fatwa Fi Majlis al-Ifta' al-Watani al-Malizi*. Gombak: IIUM Press.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani. T.th. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Amidi, Abu al- Hasan Sayf al-din 'Ali Ibn Abi 'Ali ibn Muhammad ibn Salim al-Tha'labi. T.th. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Jil. 4. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Darimi, 'Abdullah ibn 'Abd al-Rahman Abu Muhammad. 1987. *Sunan al-Darimi*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1993. *Al-Mustasfa*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad ibn 'Abd al-Rahman al-Maliki al-Maghribi. 2010. *Mawahib al-Jalil Fi Sharh Mukhtasar al-Shaykh Khalil*. T.tp: Dar al-Ridwan.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Abu Bakr Ahmad ibn 'Ali ibn Thabit ibn Ahmad ibn Mahdi. 2000. *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Jil. 2. Arab Saudi: Dar ibn al-Jawzi.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya ibn Sharaf. 1998. *Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Damsyik: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Tawzi' wa al-Nashr.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Al-Ijtihad al-Mu'asir Bayn al-Indibat Wa al-Infirat*. Edi. Ke-2. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy.
- Al-Qarafi, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad ibn Idris ibn 'Abd al-Rahman al-Maliki. 1994. *Al-Dhakhirah*. Jil. 10. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr, Jalal al-Din. 1982. *Taqrir al-Istinad Fi Tafsir al-Ijtihad*. Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.
- Al-Suyuti, Mustafa ibn Sa'ad ibn 'Abduh al-Dimashqi al-Hanbali. 1994. *Matalib Uli al-Nuha fi Sharh Ghayat al-Muntaha*. Jil. 6. T.tp: al-Maktab al-Islami.
- Al-Sharafi, 'Abd al-Majid al-Susuh. 1998. *Al-Ijtihad al-Jama'i fi al-Tashri' al-Islamiyy*. Kitab al-Ummah. Bil. 62. Qatar: Wizarat al-Awqaf Wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn Sawrah. 1975. *Sunan al-Tirmidhi*. Jil. 4. Kaherah: Sharikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halab.
- Al-Tufi, Sulayman Ibn Abd al-Qawiyy. 1987 *Sharh Mukhtasar al-Rawdah*. Jil. 3. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Zarkashi, Abu 'Abdillah Badr al-Din Muhammad ibn 'Abdullah ibn Bahadir. 1994. *Al-Bahr al-Muhit Fi Usul al-Fiqh*. Jil. 8. T.tp: Dar al-Kutub.
- Ibn Muflih al-Maqdisi, Sham al-Din Abu 'Abdillah Muhammad ibn Muflih ibn Muhammad ibn Mufarraj al-Ramini. 2003. *Kitab al-Furu' wa Ma'ahu Tashih al-Furu' li 'Ala' al-din 'Ali Ibn Sulayman*. Jil. 11. T.tp. Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Nujaym al-Misri, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad. T.th. *Al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Jil. 6. T.tp: Dar al-Kitab al-Islamiy.
- Ibn al-Salah, 'Uthman ibn 'Abd al-Rahman Abu 'Amru Taqi al-Din. 2002. *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*. Cetakan kedua. Madinah: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.